

13/06/2002

29 jawatankuasa urus perkahwinan diraja

KUANTAN, Rabu - Sebanyak 29 jawatankuasa persiapan diwujudkan bagi Istiadat Perkahwinan Diraja, Tengku Muda Pahang, bulan depan dan Sultan Pahang menjadi penasihat jawatankuasa agungnya.

Jawatankuasa agung itu dipengerusikan Tengku Mahkota Pahang manakala timbalannya, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Menurut Mingguan Khobar Pahang, buletin pejabat Menteri Besar yang dikeluarkan, di sini, hari ini, segala persiapan bagi istiadat perkahwinan diraja itu berjalan lancar, dengan setiap jawatankuasa yang ditubuhkan bergerak dengan fungsi masing-masing.

Urus setia perkahwinan pula diketuai Kolonel (B) Hashim Mohd Ali selaku Setiausaha Agung, manakala Datuk Halim Ibrahim sebagai Setiausaha Kewangan kepada jawatankuasa agung itu.

Sabtu lalu, jawatankuasa agung berkenaan mengadakan mesyuarat keempatnya di Istana Abu Bakar, di Pekan dengan keberangkatan Sultan Pahang.

Menurut buletin itu, mesyuarat bermula jam 10 pagi dan berlarutan sehingga lewat petang berikutan perincian ditumpukan kepada urusan yang berkaitan adat istiadat.

Sementara itu, Istiadat Perkahwinan Tengku Muda Pahang dengan Julita Aishah Abdul Latif, akan bermula dengan acara meletak kerja pada Selasa, 23 Julai.

Ini diikuti majlis khatam al-Quran 24 Julai, istiadat hantaran mahar (25 Julai), akad nikah diikuti majlis membatalkan air sembahyang pada malam Khamis 25 Julai, majlis ziarah makam dan solat Jumaat pada 26 Julai dan istiadat berinai pada malam Jumaat, 26 Julai.

Acara kemuncaknya ialah istiadat persandingan, disusuli santapan perkahwinan pada malam Sabtu 27 Julai dan pada istiadat ini Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong; Sultan Brunei dan Raja Isteri, Sultan dan Sultanah Johor, Sultan Selangor serta jemputan dari luar negara dijangka hadir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datin Seri Endon Mahmood juga dijangka hadir.

Istiadat itu akan diakhiri dengan jamuan teh, istiadat bersiram, nasi adap-adapan serta menutup kerja selepas waktu maghrib pada 28 Julai.

Sebelum ini, dua istiadat sudah dijalankan, iaitu istiadat merisik di rumah bakal pengantin perempuan, Julita Aishah di Singapura, pada 19 Januari lalu diketuai Datuk Seri Tengku Azlan Sultan Abu Bakar.

Istiadat pertunangan pula berlangsung pada 1 Mac lalu di Istana Abu Bakar dan dipengerusikan Tengku Puteri Lela Wangsa Pahang.

Jawatankuasa lain ialah Jawatankuasa Jejawat yang dipengerusikan Lt Kol Tok Muda Shahrir Abd Malek; Pengerusi Jawatankuasa Jemputan/Protokol, Datuk Abdul Rahim Abdul; Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan (Persembahan Pentas Rakyat), Datuk Omar Othman.

Pengerusi Jawatankuasa Persediaan/Perhiasan Tempat, Datuk Kalid Alias; Pengerusi Jawatankuasa Penginapan, Datuk Zainal Rahim Darus; Pengerusi Jawatankuasa Penerangan/Media-Massa, Hasnah Hassan; Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan/Lalu lintas, Datuk Mohd Noor Hamat.

(END)